

PENGARUH MANFAAT TANGGAPAN KEPADA SIKAP DAN NIAT MELANGGAN MIKRO KREDIT ISLAM DI SEKTOR PERTANIAN

Syahrul Anuar Ali^{1,*}; Salmey Edawati Yaacob²; Muhammad Hakimi Mohd. Shafiai³

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: syahrul_cb@yahoo.com, *Corresponding Author.

²Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: salmy1001@ukm.edu.my

³ Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. E-mail:hakimi@ukm.edu.my

Accepted date: 20 February 2018

Published date: 14 April 2018

To cite this document:

Ali, S. A., Yaacob, S.E., Mohd. Shafiai, M.H. (2018). Pengaruh Manfaat Tanggapan Kepada Sikap Dan Niat Melanggan Mikro Kredit Islam Di Sektor Pertanian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(8), 01 - 11.

Abstrak: Mikro kredit yang ditawarkan oleh perbankan Islam memberi manfaat kepada sebahagian penduduk luar bandar. Namun begitu, golongan petani seperti Pekebun Kecil Sawit Persendirian (PKSP) sukar untuk melanggannya, ini kerana terma dan syarat yang ditetapkan oleh institusi perbankan Islam kurang sesuai diaplikasikan kepada sektor pertanian. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mencapai dua objektif: pertamanya menganalisis pengaruh manfaat tanggapan kepada niat melanggan mikro kredit. Keduanya, menganalisis peranan sikap sebagai faktor perantaraan bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat melanggan mikro kredit. Borang soal selidik diedarkan kepada PKSP di daerah Hilir Perak, Malaysia menggunakan kaedah pensampelan berkelompok. Data kajian dianalisis menggunakan Structural Equation Modelling. Kajian ini mendapati manfaat tanggapan signifikan mempengaruhi pembentukan sikap dan juga niat PKSP. Ini bererti PKSP masih beranggapan mikro kredit yang disediakan oleh perbankan Islam berupaya meningkatkan produktiviti kelapa sawit di ladang sawit mereka dan mahu melanggannya. Implikasi dari kajian ini ialah ciri-ciri produk mikro kredit di perbankan Islam perlu ditambah baik supaya PKSP boleh melanggannya. Ini kerana produk mikro kredit sedia ada lebih menumpukan kepada sektor perniagaan.

Kata Kunci: Pembiayaan mikro Islam; Pekebun Kecil Kelapa Sawit Persendirian; Teori Gelagat Terancang; B40

THE INFLUENCE OF PERCEIVED BENEFIT TOWARDS THE ATTITUDE AND INTENTION TO SUBSCRIBE TO ISLAMIC MICROCREDIT IN THE AGRICULTURAL SECTOR

Abstract: *Microcredits offered by Islamic banks have benefited some parts of the rural populations. However, farmers, such as the Independent Oil Palm Smallholders (IOPS) face difficulty subscribing to it. This is because the terms and conditions set by the Islamic banking institutions are unsuitable for application in the agricultural sector. Hence, this research is conducted to achieve two objectives. The first objective is to analyse the influence of perceived benefit towards the intention to subscribe to microcredit. The second objective is to analyse the role of attitude as a mediation factor that connects perceived benefit to the intention to subscribe to microcredit. Questionnaires were distributed to IOPS in the district of Hilir Perak, Malaysia using the cluster sampling method. Research data were analysed using Structural Equation Modelling. This research found that a significant perceived benefit could influence the development of attitude and intention among members of IOPS. This means that IOPS members still think that the microcredits provided by Islamic banks are capable of improving palm oil productivity at their oil palm estates and they want to subscribe to it. The implication of this research is that the features of microcredit products at Islamic banks need to be improved so that IOPS members can subscribe to it. This is because the existing microcredit products are more focused on the business sector.*

Keywords: *Islamic Microfinance; Independent Oil Palm Smallholders; Theory of Planned Behavioural; B40*

Pendahuluan

Usaha memperkasakan kemudahan kredit di luar bandar mendapat perhatian serius kerajaan Malaysia. Ini terbukti apabila dimasukkan dalam Model Baru Ekonomi (MBE) dan dilaksanakan melalui *Financial Sector Blueprint 2011-2020 BNM* (Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 2010; Bank Negara Malaysia, 2011). Kerajaan percaya dengan meningkatkan kemudahan kredit, pendapatan penduduk di luar bandar turut sama meningkat. Ini kerana terdapat sebanyak 44% usahawan di luar bandar sukar mendapatkan pinjaman dari bank (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2010). Usaha ini merupakan sebahagian daripada langkah kerajaan merapatkan jurang pendapatan penduduk bandar dan luar bandar. BNM telah menggalakkan sektor perbankan menawarkan mikro kredit kepada penduduk luar bandar. Usaha BNM telah mendapat sokongan dari institusi perbankan. Sehingga kini terdapat 10 institusi perbankan yang menawarkan mikro kredit kepada usahawan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 institusi perbankan Islam menawarkan mikro kredit untuk sektor pertanian (Bank Negara Malaysia, 2016).

Di Malaysia, ramai di kalangan penduduk luar bandar mengusahakan tanaman padi, getah dan kelapa sawit. Pada masa ini, terdapat 221,952 pekebun kecil sawit

persendirian yang mengusahakan ladang sawit berskala kecil, mereka ini dikenali sebagai Pekebun Kecil Kelapa Sawit Persendirian (PKSP). Menurut takrifan daripada Minyak Sawit Mampan Malaysia “*Malaysian Sustainable Palm Oil – MSPO*”, PKSP ialah petani yang mengusahakan ladang kelapa sawit kurang dari 40 hektar, sama ada mengusahakan sendiri mahupun mengaji pekerja secara harian di ladang mereka (MPOB, 2013). Majoriti PKSP tidak mempunyai modal kewangan mencukupi untuk membeli input pertanian seperti baja (Azman, Mohd Arif, & M Mohd, 2003; Cramb & Sujang, 2013; Martin, Rieple, Chang, Boniface, & Ahmed, 2015). Ini menyebabkan pengeluaran buah tandan segar (BTS) “*fresh fruit bunches*” di ladang mereka rendah iaitu 13 tan/hektar/tahun berbanding pengeluaran negara 20 tan/hektar/tahun (Zulkifli, Ayat K, Nurul Aimi, Suboh, & Ramli, 2013). Walaupun perbankan Islam menyediakan mikro kredit untuk sektor pertanian, terma dan syarat pembiayaan kurang sesuai diaplikasikan kepada PKSP. Misalnya, terdapat perbankan Islam yang mensyaratkan PKSP perlu menyediakan salinan penyata bank sebagai bukti pendapatan dan lesen perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2016). Realitinya, terdapat ramai PKSP tidak mampu menyediakan salinan penyata bank sebagai bukti pendapatan. Ini kerana mereka tidak bekerja di sektor swasta ataupun kerajaan. Selain itu, PKSP turut tidak memiliki lesen perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ini kerana PKSP hanya memerlukan lesen menjual dan mengalih buah kelapa sawit dari MPOB untuk menjual BTS.

Syarat pembiayaan yang ketat sedikit sebanyak menyebabkan PKSP beranggapan mikro kredit kurang bermanfaat kepada mereka. Berdasarkan sorotan literatur, tiada kajian yang memberi pengkhususan terhadap faktor psikologi PKSP terhadap produk mikro kredit. Secara teorinya, manfaat tanggapan mempengaruhi niat PKSP untuk melanggan mikro kredit. Misalnya, Amin (2016) mendapati manfaat tanggapan merupakan faktor terpenting mempengaruhi niat pelanggan melabur dalam akaun pelaburan emas di perbankan Islam. Terdapat banyak kajian mengkaji pengaruh manfaat tanggapan kepada sikap dan niat seseorang untuk menggunakan sesuatu produk (Lee, 2009b; Y. Wang, Wiegerinck, Krikke, & Zhang, 2013; Orzan, Macovei, Orzan, & Iconaru, 2013; S. W. Wang & Hsu, 2016; Chin, Choong, Sharifah Rafidah, & Abdul Hakim, 2016). Namun begitu, belum terdapat kajian di perbankan Islam yang mengkaji pengaruh manfaat tanggapan kepada pembentukan sikap pelanggan dan niat melanggan secara serentak. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui pengaruh manfaat tanggapan kepada sikap dan niat. Dari sudut psikologi, kejayaan sesuatu produk yang direka oleh perbankan Islam bergantung kepada persepsi pengguna. Sekiranya produk yang diperkenalkan sangat bermanfaat, produk tersebut mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk diterima. Maka timbul persoalan adakah manfaat tanggapan signifikan mempengaruhi pembentukan sikap dan niat melanggan mikro kredit di kalangan PKSP?. Justeru objektif kajian ini ialah menganalisis pengaruh manfaat tanggapan kepada niat melanggan mikro kredit; dan menganalisis peranan sikap sebagai faktor perantaraan bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat melanggan mikro kredit.

Sorotan Kajian dan Hipotesis

Sikap terhadap mikro kredit

Menurut Teori Gelagat Terancang (*Theory of Planned Behavior - TPB*), faktor utama mempengaruhi niat adalah sikap. Sikap ialah kecenderungan untuk bertindak balas sama ada positif atau negatif terhadap sesuatu perkara (Fishbein & Ajzen, 1975). Banyak kajian mendapati sikap signifikan secara positif mempengaruhi niat. Misalnya, Gopi & Ramayah, (2007) mendapati sikap signifikan mempengaruhi pelanggan melakukan perniagaan secara maya (*online trading*). Di perbankan Islam pula, Alam, Janor, Zanariah, Wel, & Ahsan (2012) mendapati masyarakat muslim di Lembah Klang mempunyai sikap positif untuk menerima pembiayaan perumahan secara Islam. Begitu juga Amin (2016) mendapati sikap positif merupakan faktor utama mempengaruhi niat pelanggan untuk melabur dalam akaun pelaburan emas di perbankan Islam. Ini membuktikan perbankan Islam berkembang pesat kerana masyarakatnya mempunyai sikap positif terhadap pembiayaan patuh syariah. Namun begitu, tidak diketahui sejauh mana pengaruh sikap kepada niat melanggan mikro kredit di perbankan Islam. Jika disandarkan dapatan kajian (A. Ashraf, 2014), didapati sikap signifikan mempengaruhi masyarakat miskin di Bangladesh untuk melanggan mikro kredit. Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis yang ingin diuji ialah:

H1: Dijangkakan sikap terhadap mikro kredit signifikan secara positif mempengaruhi niat melanggan mikro kredit di perbankan Islam.

Manfaat Tanggapan (Perceived Benefit)

Manfaat tanggapan merupakan penilaian faedah yang bakal diterima oleh seseorang daripada perbuatan yang akan dilakukan. Oleh itu Leung (2013) menegaskan manfaat tanggapan merujuk kepada persepsi kesan positif yang lahir dari tindakan tertentu. Manakala Rosenstock, Strecher, & Becker (1994) pula menjelaskan manfaat tanggapan akan mempengaruhi gelagat seseorang secara langsung. Dalam konteks kajian ini, terdapat dua jenis manfaat yang bakal diterima dari mikro kredit iaitu manfaat langsung (modal kewangan mencukupi – PKSP mampu membeli baja dan peralatan) dan manfaat tidak langsung (hasil pengeluaran meningkat – taraf kehidupan dan kebajikan isi rumah meningkat).

Secara umumnya, konstruk manfaat tanggapan telah digunakan untuk memahami gelagat pengguna. Konstruk manfaat tanggapan sering kali dipadankan kepada sikap dan niat. Misalnya, Lee (2009a) menguji konstruk manfaat tanggapan kepada sikap dan niat, beliau mendapati manfaat tanggapan signifikan secara positif mempengaruhi sikap dan niat menggunakan perbankan internet. Begitu juga S. W. Wang & Hsu (2016) mendapati manfaat tanggapan signifikan mempengaruhi sikap dan niat pelanggan di syarikat penerbangan berbelanja menggunakan kad kredit. Selain itu Chin et al (2016) turut mendapati manfaat tanggapan signifikan mempengaruhi sikap dan niat PKSP di Malaysia menjadi pembekal sisa kelapa sawit kepada pasaran biofuel. Sebaliknya, Y. Wang et al. (2013) mendapati responden di China mempunyai persepsi manfaat tanggapan yang rendah terhadap *remanufactured products*, ini terbukti apabila manfaat tanggapan hanya signifikan mempengaruhi

sikap dan tidak signifikan mempengaruhi niat menggunakan alat ganti kenderaan yang dikitar semula (*remanufactured products*).

Di perbankan Islam pula, manfaat tanggapan juga didapati signifikan mempengaruhi niat pelanggan melanggan produk pembiayaan. Misalnya, Amin, Abdul-Rahman, & Abdul-Razak (2016) & Amin (2016) mendapati manfaat tanggapan signifikan mempengaruhi niat pelanggan memilih produk pembiayaan rumah dan membuka akaun pelaburan emas di perbankan Islam. Namun begitu, belum terdapat kajian di perbankan Islam yang mengaitkan manfaat tanggapan kepada sikap pelanggan. Begitu juga dalam konteks mikro kredit, manfaat tanggapan hanya diuji kepada niat dan belum pernah diuji kepada sikap pelanggan. Jebarajakirthy & Lobo (2015) mendapati golongan belia miskin di Sri Lanka tidak melanggan mikro kredit kerana beranggapan mikro kredit tidak memberi manfaat kepada mereka. Sebaliknya, Ziyi & Huifan (2016) mendapati masyarakat miskin luar bandar di China beranggapan mikro kredit memberi manfaat kepada mereka. Berdasarkan kupasan di atas, manfaat tanggapan memberi kesan positif kepada sikap dan niat pelanggan menggunakan sesuatu produk. Maka hipotesis yang ingin diuji ialah:

H2: Dijangkakan manfaat tanggapan signifikan secara positif mempengaruhi sikap terhadap mikro kredit.

H3: Dijangkakan manfaat tanggapan signifikan secara positif mempengaruhi niat melanggan mikro kredit di perbankan Islam.


Sikap sebagai perantaraan

Dalam bidang psikologi, faktor yang mempengaruhi sikap turut juga memberi kesan kepada niat seseorang, hubungan ini dipanggil perantaraan (*mediation*). Di perbankan Islam, sikap telah diuji sebagai perantaraan bagi hubungan norma subjektif dengan niat (Lada, Harvey Tanakinjal, & Amin, 2009), keimanan dengan niat (Newaz, Fam, & Sharma, 2016), kos kewangan dengan niat (Amin, Ghazali, & Supinah, 2010) dan pengetahuan produk dengan niat (Maizaitulaidawati & Asmak, 2016). Namun begitu, sikap belum pernah diuji sebagai perantaraan bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat di perbankan Islam. Walau bagaimana pun, sikap didapati signifikan sebagai perantaraan bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat dalam bidang kitar semula (Y. Wang et al., 2013) dan pemasaran (S. W. Wang & Hsu, 2016). Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis yang ingin diuji ialah:

H4: Dijangkakan sikap sebagai perantaraan bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat melanggan mikro kredit di perbankan Islam.

Model kajian

Berdasarkan kupasan sorotan kajian dan hubungan hipotesis yang dibincangkan, model kajian yang digunakan ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Model Kajian

Methodologi

Penglibatan responden

Kajian dijalankan di daerah Hilir Perak, Negeri Perak, Malaysia. Responden terdiri daripada PKSP di luar bandar yang beragama Islam serta berumur antara 18 hingga 60 tahun. Data kajian dikutip bermula 6 Februari 2017 hingga 23 Mei 2017 menggunakan pensampelan kelompok. Kajian ini dibantu oleh 2 orang enumerator. Sebanyak 730 set soal selidik diedarkan dan 427 set soal selidik dikembalikan. Setelah dilakukan proses penapisan, hanya 361 set soal selidik yang lengkap serta sesuai digunakan untuk dianalisis data. Saiz sampel ini mencukupi untuk analisis menggunakan SEM (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010; Zainudin, 2015). Ciri-ciri responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat responden (n=361)


Perkara	Peratusan responden	Perkara	Peratusan responden
Jantina:		Taraf Pendidikan:	
Lelaki	85.0	Tidak bersekolah	1.1
Perempuan	15.0	Sekolah rendah	11.4
		SRP/PMR	15.0
		SPM/SPMV	45.4
Status Perkawinan:		STPM/HSC/Sijil	8.9
Bujang	3.6	Diploma	8.6
Berkahwin	87.5	Ijazah sarjana muda dan ke atas	9.7
Duda/Janda	8.9		
Pendapatan Bulanan:		Pekerjaan Utama:	
Kurang RM1,000	17.7	Bertani/Berkebun	40.2
RM1,000 – RM1,500	27.4	Berniaga	15.5
RM1,501 – RM2,000	20.5	Kakitangan swasta	13.9
RM2,001 – RM2,500	14.1	Kakitangan Kerajaan	15.0
RM2,501 – RM3,000	7.5	Pesara Kerajaan	2.5
RM3,001 – RM3,500	3.3	Lain-lain	13.0
RM3,501 – RM4,000	2.8		
Lebih RM4,000	6.6		

Pengukuran

Item bagi setiap konstruk diadaptasi dari kajian lepas. Item konstruk niat diadaptasi daripada (Liao, Lin, & Liu, 2010; Jebarajakirthy, Lobo, & Hewege, 2015). Item konstruk sikap diadaptasi daripada (Koropp, Kellermanns, Grichnik, & Stanley, 2014; Donati, Menozzi, & Fioravanzi, 2015; Jebarajakirthy & Thaichon, 2016). Satu item manfaat tanggapan dibina sendiri dan 2 lagi diadaptasi daripada (Jebarajakirthy & Thaichon, 2016). Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan parametrik, skala selang 10-point likert perlu digunakan (Zainudin, Wan Mohamad Asyraf, & Mustafa, 2016). Justeru, semua item dibina dalam bentuk pernyataan dan diukur menggunakan skala selang 10-point likert (1 - sangat tidak setuju hingga 10 - sangat bersetuju). Jadual 2 menunjukkan pernyataan yang digunakan bagi setiap konstruk. Seramai 4 orang pensyarah yang pakar dalam kaedah penyelidikan dan mikro kredit telah menyemak soal selidik, seterusnya diuji kepada 15 orang PKSP. Setelah proses *pre-test* selesai, penambahbaikan dilakukan terhadap bahasa yang digunakan, istilah dan format soal selidik sebelum dilakukan kajian rintis.

Analisis Faktor Pengesahan

Analisis faktor pengesahan (*Confirmatory factor analysis – CFA*) telah diuji untuk mengesahkan item yang digunakan mampu mengukur model kajian (Hair et al., 2010). Rajah 2 menunjukkan pengubahsuaian (*modification*) ke atas model yang melibatkan item S5. Sebelum dilakuakn *modification*, nilai *Modification Index (M.I)* bagi hubungan item S5 dan S6 sangat tinggi iaitu 112.761. Oleh itu, S5 telah digugurkan kerana dianggap mengukur perkara yang sama dengan S6. Rajah 2 juga menunjukkan *fitness indexes* bagi kesahan konstruk yang diukur oleh RMSEA=0.67, GFI=0.942, CFI=0.984 dan ChiSq/df=2.636. *Fitness indexes* kajian ini mencapai tahap ditetapkan oleh (Hair et al., 2010; Zainudin, 2015). Seterusnya kesahan konvergen ditunjukkan melalui nilai Purata Varians Teresttrak (*Average Variance Extracted - AVE*) melebihi 0.5 (rujuk Jadual 2) (Zainudin, 2015). Manakala Jadual 3 menunjukkan kolerasi antara konstruk tidak melebihi 0.85 dan nilai kolerasi lebih rendah dari nilai AVE dipunca kuasa dua (teks tebal), ini menandakan ujian kesahan diskriminan turut dipenuhi (Zainudin, 2015).



Rajah 2: Analisis faktor pengesahan

Jadual 2: Pengukuran Model

Konstruk	Item	Factor Loading	CR	AVE
S	S1 - Saya rasa mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank adalah cadangan yang baik.	0.93	0.949	0.790
	S2 - Saya rasa mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank adalah cadangan yang bermanfaat.	0.95		
	S3 - Saya rasa mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank adalah cadangan yang bijak.	0.93		
	S4 - Saya rasa mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank adalah cadangan yang menguntungkan.	0.84		
	S6 - Saya suka cadangan menggunakan mikro kredit untuk kebun kelapa sawit.	0.79		
M	M1- Jika saya mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank, pendapatan keluarga saya akan meningkat.	0.95	0.948	0.858
	M2 - Jika saya mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank, kebajikan keluarga saya akan bertambah baik.	0.97		
	M3 - Jika saya mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank, harta keluarga saya akan bertambah.	0.86		
N	N1 - Saya berminat mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank pada masa hadapan.	0.93	0.963	0.866
	N2 - Saya berhasrat mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank pada masa hadapan.	0.97		
	N3 - Saya akan berusaha mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank pada masa hadapan.	0.93		
	N4 - Jika saya mempunyai peluang, saya akan mengambil mikro kredit untuk pertanian dari bank.	0.90		

S=Sikap terhadap mikro kredit ; M=Manfaat tanggapan; N=Niat melanggan mikro kredit


Jadual 3: kesahan diskriminan

	M	S	N
M	0.889		
S	0.67	0.926	
N	0.54	0.70	0.931

S=Sikap terhadap mikro kredit ; M=Manfaat tanggapan; N=Niat melanggan mikro kredit

Model struktur

Setelah ujian kesahan dan kebolehpercayaan pada peringkat CFA dipenuhi, model persamaan struktur (*Structural Equation Model – SEM*) dibina untuk menguji hipotesis yang dicadangkan. Kajian ini menggunakan perisian SPSS-AMOS 21 untuk melaksanakan ujian CFA dan SEM. Rajah 3 menunjukkan keputusan 3 *Standardized path coefficient* bagi hipotesis yang diuji dan *fitness indexes* bagi model struktur. Manakala Jadual 4 pula menerangkan keputusan analisis regrasi bagi setiap laluan (*regression path coefficients*) dimana sikap mempengaruhi niat secara positif (H1: $\beta = 0.666$, $z = 10.762$, $p = < 0.001$) dan diikuti manfaat tanggapan (H2: $\beta = 0.123$, $z = 2.286$, $p = < 0.022$). Selain itu, manfaat tanggapan juga signifikan mempengaruhi sikap terhadap mikro kredit. (H3: $\beta = 0.609$, $z = 14.869$, $p = < 0.001$).



Rajah 3: Standardized path coefficients setiap laluan analisis


Jadual 4: Keputusan regrasi setiap laluan analisis

Konstruk	Laluan	Konstruk	Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
S	→	N	0.666	0.062	10.762	***	Signifikan
M	→	N	0.123	0.054	2.286	0.022	Signifikan
M	→	S	0.609	0.041	14.869	***	Signifikan

S=Sikap terhadap mikro kredit ; M=Manfaat tanggapan; N=Niat melanggan mikro kredit; ***P < 0.001; **P < 0.01; *P < 0.05; ns= tidak signifikan

Analisis faktor perantaraan

Hipotesis 4 kajian ini menguji sikap sebagai faktor perantaraan. Justeru keputusan *standardized path coefficients* di Rajah 3 digunakan untuk menentukan sikap sebagai faktor perantaraan. Maka keputusan H4 ditentukan seperti berikut:



1. Kesan tidak langsung $(0.67 \times 0.62) = 0.42$
2. Kesan langsung = 0.13
3. Apabila kesan tidak langsung > kesan langsung, wujudnya perantaraan.
4. Jenis perantaraan separa kerana kesan langsung turut signifikan.

Rajah 4: Prosuder menguji faktor perantaraan menurut (Zainudin, 2015)

Seterusnya, dapatan kajian di Rajah 4 disahkan melalui *bootstrapping procedure* (Zainudin, 2015). Kajian ini telah menggunakan *maximum likelihood bootstrapping procedure*, 2000 sampel *bootstrap* dan 95% *bias-corrected confidence interval level*. Keputusan ujian ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Keputusan ujian sikap sebagai perantaraan menggunakan *bootstrapping*

	Kesan tidak langsung M-N	Kesan langsung M-N
Keputusan Bootstrapping	0.415	0.126
Bootstrapping P-Value	0.001	0.04
Keputusan	Signifikan	Signifikan
Jenis Perantaraan	Perantaraan separa kerana kesan langsung turut signifikan	

Berdasarkan keputusan *Bootstrapping*, keputusan di Rajah 4 dan Jadual 5 adalah sama iaitu sikap bertindak sebagai perantaraan separa. Oleh itu, H4 yang menyatakan sikap sebagai perantaraan bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat adalah disokong, manakala jenis perantaraan yang terdapat bagi hubungan ini ialah perantaraan separa. Ini bermaksud manfaat tanggapan mempengaruhi niat melanggan mikro kredit secara langsung dan juga tidak langsung melalui pembentukan sikap positif terhadap mikro kredit.

Perbincangan

Berdasarkan hipotesis yang dikemukakan, sikap terhadap mikro kredit (H1) didapati signifikan secara positif mempengaruhi niat melanggan mikro kredit. Begitu juga didapati manfaat tanggapan (H2 dan H3) turut signifikan mempengaruhi sikap dan niat melanggan mikro kredit. Walaupun manfaat tanggapan (H3) signifikan mempengaruhi niat melanggan mikro kredit, manfaat tanggapan (H2) lebih kuat

mempengaruhi pembentukan sikap PKSP terhadap mikro kredit. Dapatan kajian ini turut mendapati sikap bertindak sebagai perantaraan separa (*partial mediation*) (H4) bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat melanggan mikro kredit. Ini bermaksud penilaian manfaat tanggapan secara empirikalnya mempengaruhi niat PKSP untuk melanggan mikro kredit secara langsung dan pada masa yang sama penilaian manfaat turut membentuk sikap positif PKSP terhadap mikro kredit Islam. Keputusan kajian ini selari dengan (Lee, 2009b; Orzan et al., 2013; Chin et al., 2016) yang turut sama mendapati sikap bertindak sebagai perantaraan separa bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat. Pun begitu, penemuan ini tidak menyokong dapatan kajian (Y. Wang et al., 2013), yang mendapati sikap bertindak sebagai perantaraan penuh bagi hubungan manfaat tanggapan dengan niat menggunakan alat ganti kenderaan yang dikitar semula (*remanufactured products*).

Keputusan kajian ini dapat dijelaskan oleh fakta bahawa PKSP sangat memerlukan modal kewangan untuk meningkatkan produktiviti BTS di ladang sawit mereka. Ini kerana majoriti PKSP terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40), penggunaan baja di ladang sawit mereka jauh lebih rendah berbanding ladang kelapa sawit yang diusahakan oleh syarikat (Cramb & Sujang, 2013). Dengan adanya mikro kredit yang disediakan oleh perbankan Islam, PKSP percaya mikro kredit mampu meningkatkan produktiviti kelapa sawit, harta turut bertambah dan kebajikan keluarga bertambah baik. Disamping itu, dengan melanggan mikro kredit dari perbankan Islam, amalan pertanian baik (*Good Agriculture Practices -GAP*) di ladang sawit mereka dapat dilaksanakan. Ini kerana untuk menjayakan GAP, PKSP memerlukan modal kewangan yang mencukupi. Menurut Saadun et al. (2018), PKSP mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengamalkan GAP dan berusaha mematuhi piawaian MSPO dan *Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)*. Tanpa modal kewangan yang mencukupi, PKSP sukar untuk mengamalkan GAP. Ini terbukti apabila PKSP di Thailand tidak dapat mengamalkan GAP dengan cekap kerana modal kewangan tidak mencukupi (Somnuek & Slingerland, 2017).

Sikap terhadap mikro kredit dan manfaat tanggapan menerangkan sebanyak 50% ($R^2=0.50$) varian ke atas niat melanggan mikro kredit di perbankan Islam. Manakala faktor manfaat tanggapan menerangkan sebanyak 45% ($R^2=0.45$) varian ke atas sikap terhadap mikro kredit. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa penilaian manfaat tanggapan memainkan peranan besar menentukan penerimaan PKSP terhadap mikro kredit di perbankan Islam. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting kepada institusi perbankan Islam iaitu PKSP sangat berharap untuk melanggan mikro kredit, tetapi tidak dapat melanggannya kerana syarat pembiayaan terlalu ketat dan sukar dipenuhi.

Kesimpulan

Secara khususnya kajian ini telah membuktikan manfaat tanggapan mempengaruhi pembentukan sikap terhadap mikro kredit dan niat melanggan mikro kredit. Ini bererti PKSP masih beranggapan mikro kredit memberi manfaat besar untuk meningkatkan pendapatan. Justeru, saranan kerajaan kepada institusi perbankan untuk menawarkan produk mikro kredit yang kompetatif perlu dipandang serius oleh perbankan Islam. Langkah drastik BNM memperkenalkan indeks inklusi kewangan "*financial inclusion index*" diharapkan mampu memberi tekanan kepada perbankan

Islam untuk memperbaiki ciri-ciri produk bagi memastikan mikro kredit dapat membantu penduduk luar bandar (Zarina, 2017). Dapatan kajian ini memberikan pemahaman baru bahawa PKSP masih positif untuk menerima mikro kredit walaupun perbankan Islam meletakkan pelbagai syarat yang terlalu ketat. Justeru, perbankan Islam perlu merangka strategi untuk membantu PKSP mampu melanggan mikro kredit. Ini kerana secara falsafahnya perbankan Islam ditubuhkan untuk memenuhi obligasi sosial kepada masyarakat muslim amnya. Kajian ini turut menyumbang kepada rujukan dalam bidang mikro kredit kerana tidak banyak kajian mikro kredit yang menumpukan secara khusus kepada golongan petani. Pun begitu penemuan ini perlu ditafsir dengan berhati-hati kerana terhad dalam konteks model kajian sahaja. Dapatan kajian mungkin lebih bermakna sekiranya faktor norma subjektif dan kawalan perilaku anggapan dari Teori Gelagat Terancang diambil kira. Disamping itu, kajian ini juga terhad kepada PKSP muslim sahaja dan tidak mengambil kira pandangan PKSP non-muslim. Justeru dicadangkan limitasi kajian ini dikaji pada masa hadapan untuk memahami gelagat PKSP terhadap mikro kredit secara komprehensif.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran penyelidikan MPOB-UKM EP-2015-063 dan sebahagian daripada thesis PhD penulis pertama.

Rujukan

- A. Ashraf, M. (2014). The Theory of Planned Behavior and Microfinance Participation: from the Perspective of Nonparticipating Rural Poor in Bangladesh. *Research Journal of Finance and Accounting*, 5(7), 159–169.
- Alam, S. S., Janor, H., Zanariah, Wel, C. A. C., & Ahsan, M. N. (2012). Is Religiosity an important factor in influencing the intention to undertake Islamic home financing in Klang Valley? *World Applied Sciences Journal*, 19(7), 1030–1041. <https://doi.org/10.5829/idosi.wasj.2012.19.07.392>
- Amin, H. (2016). Willingness to open Islamic gold investment accounts. *Journal of Internet Banking and Commerce*, 21(1), 1–17.
- Amin, H., Abdul-Rahman, A.-R., & Abdul-Razak, D. (2016). Malaysian consumers' willingness to choose Islamic mortgage products. *International Journal of Bank Marketing*, 34(6), 868–884. <https://doi.org/10.1108/IJBM-06-2015-0099>
- Amin, H., Ghazali, M. F., & Supinah, R. (2010). Determinants of Qardhul Hassan financing acceptance among Malaysian bank customers: An empirical analysis. *International Journal of Business and Society*, 11(1), 1–16.
- Azman, I., Mohd Arif, S., & M Mohd, N. (2003). The Production Cost of Oil Palm Fresh Fruit Bunches: the Case of Independent Smallholders in Johor. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 3(1), 1–7.
- Bank Negara Malaysia. (2011). *Financial Sector Blueprint 2011-2020*. Retrieved from http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsbp/en/BNM_FSBP_FULL_en.pdf
- Bank Negara Malaysia. (2016). Jadual perbandingan ciri-ciri produk Pembiayaan Mikro. Retrieved January 16, 2018, from https://www.bnm.gov.my/documents/sme/bm_Comparative_Table_20160511.pdf
- Chin, H.-C., Choong, W.-W., Sharifah Rafidah, W. A., & Abdul Hakim, M. (2016). Using Theory of Planned Behaviour to explore oil palm smallholder planters' intention to

- supply oil palm residues. *Journal of Cleaner Production*, 126, 428–439.
- Cramb, R. A., & Sujang, P. S. (2013). The mouse deer and the crocodile: oil palm smallholders and livelihood strategies in Sarawak, Malaysia. *Journal of Peasant Studies*, 40(1), 129–154. <https://doi.org/10.1080/03066150.2012.750241>
- Donati, M., Menozzi, D., & Fioravanzi, M. (2015). Understanding farmers' responses to CAP reform. *New Medit*, 14(3), 29–39.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). Belief, Attitude, Intention and Behaviour: An Introduction to Theory and Research. Reading, Mass. Amherst, Massachusetts: Addison-Wesley.
- Gopi, M., & Ramayah, T. (2007). Applicability of theory of planned behavior in predicting intention to trade online. *International Journal of Emerging Markets*, 2(4), 348–360. <https://doi.org/10.1108/17468800710824509>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (Seventh). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Jebarajakirthy, C., & Lobo, A. (2015). A study investigating attitudinal perceptions of microcredit services and their relevant drivers in bottom of pyramid market segments. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 23(May 2016), 39–48. <https://doi.org/10.1016/j.jretconser.2014.12.005>
- Jebarajakirthy, C., Lobo, A., & Hewege, C. (2015). Enhancing youth's attitudes towards microcredit in the bottom of the pyramid markets. *International Journal of Consumer Studies*, 39(2), 180–192. <https://doi.org/10.1111/ijcs.12166>
- Jebarajakirthy, C., & Thaichon, P. (2016). Marketing microcredit to bottom of the pyramid market. *International Journal of Bank Marketing*, 34(2), 191–215. <https://doi.org/10.1108/IJBM-12-2014-0176>
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2010). *Pelan induk pembangunan luar bandar*.
- Koropp, C., Kellermanns, F. W., Grichnik, D., & Stanley, L. (2014). Financial Decision Making in Family Firms: An Adaptation of the Theory of Planned Behavior. *Family Business Review*, 27(4), 307–327. <https://doi.org/10.1177/0894486514522483>
- Lada, S., Harvey Tanakinjal, G., & Amin, H. (2009). Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1), 66–76. <https://doi.org/10.1108/17538390910946276>
- Lee, M.-C. (2009a). Factors influencing the adoption of internet banking: An integration of TAM and TPB with perceived risk and perceived benefit. *Electronic Commerce Research and Applications*, 8(3), 130–141. <https://doi.org/10.1016/j.elerap.2008.11.006>
- Lee, M.-C. (2009b). Predicting and explaining the adoption of online trading: An empirical study in Taiwan. *Decision Support Systems*, 47(2), 133–142. <https://doi.org/10.1016/j.dss.2009.02.003>
- Leung, Y. (2013). Perceived Benefits. In *Encyclopedia of Behavioral Medicine* (pp. 1450–1451). New York, NY: Springer New York. https://doi.org/10.1007/978-1-4419-1005-9_1165
- Liao, C., Lin, H.-N., & Liu, Y.-P. (2010). Predicting the Use of Pirated Software: A Contingency Model Integrating Perceived Risk with the Theory of Planned Behavior. *Journal of Business Ethics*, 91(2), 237–252. <https://doi.org/10.1007/s10551-009-0081-5>
- Maizaitulaidawati, M. H., & Asmak, A. R. (2016). Do Muslims intend to participate in Islamic insurance? *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 7(1), 42–58. <https://doi.org/10.1108/JIABR-03-2014-0012>

- Majlis Penasihat Ekonomi Negara. (2010). Model Baru Ekonomi untuk Malaysia. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Retrieved from www.neac.gov.my
- Martin, S., Rieple, A., Chang, J., Boniface, B., & Ahmed, A. (2015). Small farmers and sustainability: Institutional barriers to investment and innovation in the Malaysian palm oil industry in Sabah. *Journal of Rural Studies*, 40, 46–58. <https://doi.org/10.1016/j.jrurstud.2015.06.002>
- MPOB. (2013). *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO): Part 2 General Principles for Independent Smallholders*.
- Newaz, F. T., Fam, K.-S., & Sharma, R. R. (2016). Muslim religiosity and purchase intention of different categories of Islamic financial products. *Journal of Financial Services Marketing*, 21(2), 141–152. <https://doi.org/10.1057/fsm.2016.7>
- Orzan, G., Macovei, O. I., Orzan, M., & Iconaru, C. (2013). The impact of blogs over corporate marketing communication: An empirical model. *Economic Computation and Economic Cybernetics Studies and Research*, 47(1), 79–96.
- Rosenstock, I. M., Strecher, V. J., & Becker, M. H. (1994). The Health Belief Model and HIV Risk Behavior Change. In R. J. DiClemente & J. L. Peterson (Eds.), *Preventing AIDS: Theories and Methods of Behavioral Interventions* (pp. 5–24). New York: Plenum Press. https://doi.org/10.1007/978-1-4899-1193-3_2
- Saadun, N., Lim, E. A. L., Esa, S. M., Ngu, F., Awang, F., Gimin, A., ... Azhar, B. (2018). Socio-ecological perspectives of engaging smallholders in environmental-friendly palm oil certification schemes. *Land Use Policy*, 72(December 2017), 333–340. <https://doi.org/10.1016/j.landusepol.2017.12.057>
- Somnuek, S., & Slingerland, M. (2017). Can good agricultural practices sustain oil palm yields for bioenergy production in northeast Thailand? *Experimental Agriculture*, 1–16. <https://doi.org/10.1017/S0014479717000497>
- Wang, S. W., & Hsu, M. K. (2016). Airline co-branded credit cards-An application of the theory of planned behavior. *Journal of Air Transport Management*, 55, 245–254. <https://doi.org/10.1016/j.jairtraman.2016.06.007>
- Wang, Y., Wiegerinck, V., Krikke, H., & Zhang, H. (2013). Understanding the purchase intention towards remanufactured product in closed-loop supply chains. *International Journal of Physical Distribution & Logistics Management*, 43(10), 866–888. <https://doi.org/10.1108/IJPDLM-01-2013-0011>
- Zainudin, A. (2015). *SEM made simple: A gentle approach to learning structural equation modelling*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication.
- Zainudin, A., Wan Mohamad Asyraf, W. A., & Mustafa, M. (2016). The Likert scale analysis using parametric based Structural Equation Modeling (SEM). *Computational Methods in Social Sciences*, 4(1), 13–21.
- Zarina, A. R. (2017). *Measuring Financial Inclusion in Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Ziyi, F., & Huifan, L. (2016). A study on BOP Customers' Attitudes toward Microfinance and Their Driving Factors: The Evidence from China's Rural Households. In *3th International Conference on Service Systems and Service Management, ICSSS 2016*. KUST Kunming, China.
- Zulkifli, A. M., Ayat K, A. R., Nurul Aimi, A. H., Suboh, I., & Ramli, A. (2013). Assessment of the Oil Palm Seedlings Assistance Scheme on Fresh Fruit Bunch Yield and Income of Smallholders. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 13(1), 35–44.